

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-
undang khusus bagi menghukum pesalah kes penderaan terutama yang
melibatkan ibu bapa dan keluarga terdekat mangsa sendiri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang khusus bagi menghukum pesalah kes penderaan ke atas kanak-kanak memandangkan telah diwujudkan suatu Akta yang khusus untuk perlindungan dan kebajikan kanak-kanak iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 malah telah dipinda pada tahun 2016.

Secara butiran, Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan kanak-kanak sama ada dari segi fizikal, emosi atau seksual. Ini termasuklah oleh mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan ke atas kanak-kanak itu termasuklah ibu bapa dan penjaga.

Manakala, Seksyen 17(1)(a) dan (b) Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau seksual oleh ibu atau bapa atau

penjaganya. Sekiranya ini berlaku, Seksyen 18 telah memberi kuasa kepada Pelindung, Pembantu Pelindung atau pegawai polis untuk mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara.

Selain itu, Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 juga dipinda untuk meluaskan kategori kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan termasuk 'cuai'. Melalui pindaan ini, seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika ibu atau bapanya telah bertindak dengan cuai dalam menjalankan pengawasan dan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan mereka.

Pindaan ke atas Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 dibuat dengan menaikkan tempoh maksimum pemenjaraan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, denda daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00 atau kedua-duanya dengan khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori. Hukuman khidmat masyarakat ini, merupakan hukuman tambahan mandatori yang perlu memenuhi elemen hukuman, pengajaran, pemulihan dan penginsafan. Antara contoh khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan ke atas pesalah ialah seperti membantu pengurusan penghuni di institusi kebajikan kanak-kanak seperti kerja-kerja pembersihan, jagaan dan aktiviti kanak-kanak. Dalam pada itu, kursus

keibubapaan juga akan diberikan kepada pesalah. Pesalah akan diinsafkan dengan memberi kemahiran keibubapaan (*parenting skill*) atau pemulihan psikologi (mengikut kesesuaian) dan memupuk kesedaran tentang kesalahan yang telah dilakukan dan tidak berulang lagi pada masa depan. KPWKM berharap dengan pindaan ini yang memberi pengertian lebih tentang cuai dan hukuman berat dapat membendung sebanyak sedikit kes-kes penganiayaan dan kecuai.

Memandangkan Kerajaan mengambil berat akan kebajikan kanak-kanak, Akta Kanak-kanak 2001 juga telah dipinda untuk menggalakkan penyampaian maklumat oleh orang awam di bawah seksyen baharu iaitu seksyen 29A yang mana sekiranya terdapat mana-mana laporan kanak-kanak yang telah dcederakan sama ada dari segi fizikal, emosi atau seksual. Pewujudan seksyen baharu ini adalah bagi menggalakkan maklumat diberikan oleh orang awam termasuk guru, sahabat dan jiran kanak-kanak memandangkan maklumat tersebut adalah penting untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak dan orang awam dalam kategori ini adalah antara yang paling hampir dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

Bagi tujuan menangani kes keganasan rumah tangga, Kerajaan telah meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada tahun 2017 yang

47

bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Lima perkara utama yang diberikan perhatian dalam pindaan Akta ini ialah:

- a. Memperluaskan tafsiran Keganasan Rumah Tangga iaitu mangsa boleh membolehkan mendapatkan perintah perlindungan interim (*Interim Protection Order/IPO*) dan perintah perlindungan (*Protection Order/PO*) apabila berlaku penggelapan harta, terdapat ugutan dan terdapat niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa;
- b. Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order/EPO*) iaitu perintah perlindungan sementara (*ex-parte*) sekiranya mangsa dalam keadaan ketakutan dcederakan;
- c. Pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO);
- d. memperkenalkan Program Pemulihan untuk memberi kesedaran dan pendidikan seperti kekeluargaan, pengurusan kewangan dan pengurusan emosi kepada pelaku dan mangsa dalam tempoh

perintah perlindungan; dan

- e. Penambahbaikan perintah IPO dan PO dalam aspek pemakluman status kepada mangsa bertujuan untuk menjamin prosedur kerja yang lebih telus.

Di samping itu, perkhidmatan seperti Talian Kasih 15999 juga haruslah dihebahkan untuk diguna pakai oleh orang awam dalam menyalurkan isu-isu sosial kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dilihat dapat mempercepatkan proses melindungi kanak-kanak berkenaan. Semua laporan termasuk penderaan kanak-kanak yang diterima melalui Talian Kasih 15999 akan terus disalurkan kepada Pelindung (Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat) yang berada di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berdekatan dengan kes.